

Qalam

Majalah bulanan Melayu terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 17 – Disember 1951 – senaskah 60 sen

MENYATUKAN PENTADBIRAN AGAMA

Adalah dikatakan bahawa dalam persidangan raja-raja Melayu telah mempersetujui untuk mengadakan suatu tadbir yang bersatu di antara jabatan-jabatan agama diseluruh tanah Melayu. Pendapat ini pada amnya patut disyukuri, dan patut dipuji sebagai langkah yang pertama menginsafi bagaimana buruknya pertadbiran-pertadbiran yang berasing-asing di antara jabatan-jabatan itu kepada penyelenggaraan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam yang bersabit dengan keadaan masyarakat yang berlainan-berlainan di antara satu sama lain.

Kita belum dapat kenyataan tentang kuasa-kuasa jabatan-jabatan itu, adakah ia dibelanjai oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau ia sebagai tubuh Penasihat kepada Raja-raja yang mengenai tentang agama yang dibelanjai oleh jabatan-jabatan agama masing-masing negeri sekiranya ia dibelanjai oleh Persekutuan Tanah Melayu – bukan daripada negeri masing-masing – maka keadaan yang demikian itu mustahak benar dicemburui oleh sebab sekiranya terletak di dalam kekuasaan kerajaan Federal maka sudah tentu Jabatan agama itu akan terletak dibawah kekuasaan menteri dalam bahagian membuat acuan atas sesuatu kehendak untuk menentukan perjalanannya yang disebaliknya hapuslah dengan sendirinya hak kebebasan beragama bagi sesebuah negeri itu dengan adanya hal-hal yang tersebut. Sudah barang tentu dengan ia akan mendapat sebuah kerusi di dalam Federal Council tetapi apakah maknanya sebuah kerusi berhadapan dengan beberapa banyak kerusi-kerusi yang lain?

Kita tentu gemar kepada usaha menyamakan pertadbiran yang

mengenai dengan agama tetapi dengan demikian itu janganlah hendaknya terikat kepada suatu belunggu yang dengan tidak disadari membawa di dalamnya suatu rancangan yang lain yang ditujukan kerana merebut hak-hak yang diberi atau yang dipersetujukan dahulu.

Menurut pendapat kita yang sebaik-baiknya ialah keadaan sebagaimana adanya jabatan-jabatan Menteri-menteri Besar masing-masing negeri yang di dalam permesyuaratannya menjadi penasihat kepada permesyuaratan Raja-raja. Jabatan-jabatan agama masing-masing negeri itu patut menghantar dua orang wakil-wakilnya. Seorang yang Di-Pertua Jabatan Agama (sebagai pentadbir) dengan diiringi oleh seorang ulama yang dipilihnya ke dalam persidangan itu bagi merundingkan sesuatu untuk menasihati persidangan Sultan-sultan di dalam masalah berkenaan dengan mentadbirkan hal ehwal agama yang bersabit dengan masyarakat seperti menyempurnakan peraturan surat menyurat, kahwin dan cerai, dan lain-lainnya yang biasa ditadbirkan oleh jabatan agama masing-masing negeri.

Sekiranya tidak demikian itu sudah tentu keadaannya nanti sebagaimana yang telah disebutkan dengan sendirinya akan dijadikan sesuatu yang tidak digemari yang akan merugikan maslahat-maslahat beragama di negeri itu yang dari satu ke suatu masa patut dijauhi dan dicemburui kerana kita tidak hairan di dalam masa yang sedemikian ini banyak orang yang tidak ikhlas, bukan daripada orang lainnya tetapi daripada orang kita sendiri kepada kesucian agama Islam. Kita wajib cemburu bahawa janganlah agama kita itu dijadikan sesuatu perkakas untuk mengabui mata kita.

Di sebaliknya itu, untuk menyokong lebih kuat kepada adanya langkah-langkah yang pertama itu sekali lagi patut diperhatikan oleh orang-orang kita Islam bagi menubuhkan suatu badan perpaduan umat Islam kerana menjaga hal ehwal dan maslahat kita bersama supaya jangan kita dibuat dengan sekehendak hati oleh orang atau dijadikan perkakas oleh orang-orang yang tidak sedikit pun mengetahui perihal agama dan tidak sedikit mengetahui selok belok agama kita Islam adanya.